

Kepimpinan Abdullah semakin diyakini dunia luar – Taib

MIRI 10 Feb. – Kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semakin diyakini di peringkat antarabangsa berikutan kekukuhan ekonomi negara serta keupayaan meningkatkan nilai dagangan ke paras RM1 trilion, tahun lalu.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, Malaysia juga semakin dikenali oleh masyarakat perdagangan antarabangsa ekoran kekukuhan kedudukan mata wang negara sekarang.

Keadaan itu, katanya, sekali gus membantu mempercepatkan usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

“Keyakinan masyarakat antarabangsa kepada Malaysia telah meningkat, negara kita

sudah dikenali dan diakui dengan kepimpinan kerajaan yang benar-benar mempunyai niat memperkukuhkan ekonomi dan mengekalkan perpaduan rakyat.

“Inilah sebenarnya bentuk kepimpinan Perdana Menteri. Kita mesti kenal cara orang yang ingin mencapai cita-cita kita bersama-sama,” katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Persidangan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ke-11 di sini hari ini.

Abdullah tiba di sini hari ini untuk merasmikan perhimpunan yang dihadiri 1,259 perwakilan dan pemerhati itu.

Abdul Taib yang juga Presiden PBB berkata, Abdullah mempunyai karisma seorang pemimpin yang berkeupayaan membawa ne-

UM- 11/2/2007
gara melangkah ke sebuah negara maju dengan cara tersendiri.

“Orangnya lemah lembut tetapi mempunyai kemahuan berunding, mendengar cadangan orang lain dan mengadakan mesyuarat.

“Proses ini walaupun mengambil masa tetapi kita sudah dapat menyusun semula standard polisi kita mengikut pentadbiran baru dan bentuk dikehendaki oleh zaman baru dan dunia global.

“Ketelusan ini adalah satu bentuk kerajaan yang benar-benar dapat memimpin negara untuk kekal maju,” ujarnya.

Beliau berkata, sistem penyampaian dalam negara juga dapat dipertingkatkan dengan adanya kepimpinan yang mempunyai kea-zaman tinggi.

“Wawasan untuk maju membawa Malaysia ke hadapan telah kukuh semula yang mana saya yakin sistem penyampaian pasti dipertingkatkan demi melaksanakan program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan,” jelasnya.

Mengenai Sarawak, beliau berkata, kerajaan dan rakyat negeri ini akan menyokong apa sahaja program pembangunan dilaksanakan di peringkat Pusat.

“Dulu kita merupakan antara dua negeri termiskin di Malaysia, namun disebabkan ketaatan kepada perjuangan kerajaan, ia sudah berubah. Kita ikut langkah yang diambil oleh kerajaan dan menggunakan apa sahaja cara sesuai untuk pembangunan,” katanya.